

LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN SABTU 10 OGOS 2019

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	EJEN AP IMPORT KUBIS UNTUNG RM300 SETAN, NASIONAL, BH -8 PENANG PROMOTES URBAN AGRICULTURE PROGRAMME, NATION, KWONG WAH YIT POH -A12b LAND SHOULD BE USED FOR VEGETATION INSTEAD OF CONSTRUCTION, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
4. 5. 6.	VET DEPT TO PROBE 'UNSANITARY' EGG FARM SUPPLYING TO HYPERMARKET CHAIN, NEWS, MALAYSIA MSN -6 MOO 900KG DIJUAL RM 15,000, SETEMPAT, HM -6 SYOR JPV WAJIBKAN PASANG CIP MIKRO, NASIONAL, BH -81	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
7. 8.	MAQIS AKUI LEBIH TUMPU PEMERIKSAAN KARGO, NASIONAL, BH -81 MAQIS RAMPAS TIKAR MENGKUANG, SINAR NEGERI UTARA, SH -34	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9.	500,000 BENIH UDANG GALAH DILEPASKAN, NEGARA, KOSMO -17	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10.	BUFET DURIAN DAPAT SAMBUTAN, SINAR NEGERI SELATAN, SH -35	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
11. 12. 13.	BILIS DAGANG TRADITIONAL, SPEKTRUM, HM -40 SPEKTRUM BERSAMA SHAHRUL M ZAIN, SPEKTRUM, HM -41 FISHERMEN ENCOURAGED TO EXPLORE BUSINESS POTENTIAL OF AQUACULTURE, NEWS, THE STAR -2	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
14.	UBAH DASAR PERTANIAN NEGARA – CAP, DALAM NEGERI, UM -17	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

10/8/2019

BERITA
HARIAN

NASIONAL

8

Susulan laporan Kajian Pasaran Sektor Makanan MyCC

Ejen AP import kubis untung RM300 setan

Anggaran ikut pembayaran komisen setiap kilogram sayur

Oleh Wartawan BH
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ejen yang menyalahgunakan Permit Kelulusan (AP) bagi mengimport kubis bulat, dipercayai mengaut untung di antara RM80 hingga RM300 bagi setiap tan sayur itu dibawa masuk.

Anggaran keuntungan itu berdasarkan pembayaran komisen bagi setiap kilogram (kg) sayur yang dibawa masuk pada kadar yang di antara lapan hingga 30 sen tertakluk kepada permintaan. Sekiranya permintaan sayur tinggi, kadar komisen boleh mencelah sehingga 30 sen bagi setiap kg atau RM300 bagi satu tan yang bersamaan 1,000kg.

Kadar komisen paling rendah

pernah ditawarkan ialah lapan sen bagi setiap kg atau RM80 bagi satu tan bersamaan 1,000kg.

Pembabitin ejen atau orang tengah itu menyebabkan wujudnya lapisan ketiga dalam rantaian pembekalan kubis bulat yang kebanyakannya diimport dari China, sekali gus meningkatkan harga sayur perlu dibayar pengguna.

Berdasarkan semakan pada laman web dibangunkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi menyemak harga barang, termasuk sayur, harga kubis bulat pada 8 Ogos antara RM2 hingga RM5 mengikut lokasi.

Kegiatan penjualan dan penawaran AP mengimport kubis bulat didedahkan Kajian Pasaran Sektor Makanan dikendalikan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dipercayai semakin meningkat jadi jadi kebelakangan ini, berikutan harga sayuran itu yang semakin meningkat.

Susulan pendedahan MyCC pada Selasa lalu, BH cuba mengesan kegiatan itu sebelum memuat iklan dalam sesawang yang

menawarkan iklan perkhidmatan menyewa AP kubis.

Semakan terhadap sesawang yang mengiklankan pelbagai AP itu, ejen dikenali sebagai Man menawarkan perkhidmatan menyewa AP bagi mengimport kubis bulat dikeluarkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sejak pertengahan tahun lalu.

Ketika dihubungi untuk bertanya mengenai kuota kubis yang dijualnya, lelaki terbabit mendakwa AP miliknya sudah habis dijual ekoran permintaan tinggi dalam pasaran sekarang.

Lelaki itu mendakwa, kuota AP miliknya dan rakan ketika ini sudah habis, tetapi berjanji akan menghubungkan kembali jika ada di antara mereka masih mempunyai baki permit itu.

Ditanya mengenai kadar bayaran sewa AP kubis bulat ketika ini, lelaki itu mendakwa ketika ini sewaan adalah di antara 15 hingga 30 sen sekilogram, tertakluk kepada harga dan permintaan sayur berkenaan dalam pasaran.

Individu terbabit mendakwa kuota AP miliknya digunakan se-



Keratan akhbar BH 7 Ogos lalu.

peruhnya beberapa bulan lalu dan sudah dua kali diperbaharui. Dia mendakwa terpaksa menyewakan pada harga murah kerana kekurangan permintaan ke-tika itu.

"Akhir tahun tidak ramai mahu menyewa AP menyebabkan ter-jadi lambakan. Saya terpaksa tar-warkan harga rendah untuk pas-tikan AP disewa.

"Ketika itu, pengimport bayar lapan sen, 10 sen dan 15 sen. Harga biasa 20 sen ke atas. Sekarang mintaan tinggi, sebab itu banyak kuota sudah habis," katanya.

Berdasarkan Kajian Pasaran Sektor Makanan itu, kegiatan menyewa AP mengimport kubis ada-lah antara punca kenaikan harga sayur yang juga bekalan makanan utama rakyat negara ini.

Mengikut laporan itu, segelintir pemegang AP menjual atau menyewakannya berikutan syarat mewajibkan mereka menggunakan 90 peratus kuota yang diperuntukkan bagi terus mendapatkan kannya pada masa depan.

Sistem sedia ada tidak membuat pengesanan sama ada pemegang AP terbabit benar-benar menjalankan urusan niaga mengimport sayur dan tiada pemeriksaan di-lakukan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) selepas barangan dilepaskan di pintu masuk.

Sebaliknya penlualan bagi me-mohon AP atau memperbaharui-nya berdasarkan semakan pada dokumen yang antaranya memi-nit pemohon memberikan butiran seperti penyewaan bilik sejuk be-ku dan gudang penyimpanan.

Headline	Penang promotes urban agriculture programme		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	10 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A12b	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	269 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,016
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,048



沈志勤：善用空间提倡绿意环保 槟提倡城市农业计划

（槟城9日讯）将枯燥乏味的农业变成一项企业，即使居住在城市，我们也可以自行在家种植农作物，这不但可以增加自身收入，还可以减少开销，解决国家面对食物不足问题。

农业及农基工业部副部长沈志勤表示，目前城市农业（Urban Farming）是一项趋势，许多人开始在家也可以种植农作物，即使空间不大，但也可善用空间提倡绿意环保，也可赚取一些额外收入。他指出，由于现在食物价格不断提高，因此他提倡城市农业计划，一来减少开销，二来可确保食物健康，其农作物品质可由自己控制，不仅环保也对下一代很好。

他周五在其国会选区服务中心召开记者会，并向媒体介绍其服务中心也有种植一些农作物，包括不同种类黄梨、黄瓜、茄子等蔬菜，前方庭院种植黄梨等待收成，后方庭院也种植黄瓜与茄子等蔬菜，可谓丰收不已。

他指出，城市农业计划也在槟城一些学校进行，目前有光华小学、菩提中学及峇央峇鲁中学，取得良好反应，因此希望能让更多学校学习与接触这项计划。同时，也呼吁非政府组织加入这项计划。

“这只是一个开始，我们希望能找到更多代理，呼吁更多民众一起推广城市农业计划。”

他表示，这项计划需要坚定的精神，要不断

地去推广、维持。他举例槟城消费者协会（CAP）在这方面做得很好，因也有在其会所种植农作物，为此他希望双方能进行交流与交换心得。

此外，他也指目前有4个地方被圈定为试点项目进行这项计划，包括峇东中学、峇央峇鲁中学、峇东社区康复中心，以及武吉各东（Bukit Gedong）。

“其实这计划推广已久，当中肯定会面对一些挑战，如你想要开始在这项行业发展，可以来找我们，我们可以提供相关城市农业的咨询与技术。”

出席者包括国家社区进步基金会（YKS）首席执行官苏马迪斯瓦及经理伊丽雅马苏拉等。

土地不足供种植农作物

沈志勤指出，我国现有土地并不足以提供种植农作物，因此导致食物价格提高，生活成本也高。

“我们还需依赖从国外进口的农作物，才能足够应付提供国人的食物。”

“希望有特别成立一个委员会，主要应付解决国人面临生活开销高问题，主席是副首相拿督斯里旺阿兹莎。”

“但我国不足够提供食物予国人，其中800万



沈志勤与苏马迪斯瓦，以及伊丽雅马苏拉，向媒体推广其服务中心的城市农业计划。

公顷的农业用地，当中600万是用于种植棕油、120万是橡胶植，而农业食品如稻米、蔬果、饲养物、鸡蛋等，仅占少于100万公顷农用地。”

“现有的土地不足以应付我国人口食物需求，即使有一些农作物我国可以自己生产种植，但仍不足够，需依赖国外进口农作物。因此，我国需要增加农用地来种植以生产食品，才能解决国内食物价格高的问题。”

“当媒体询问时下许多年轻人都不喜欢农业种植时，沈志勤举例说，单是我国进口辣椒，就如从泰国进口辣椒有2.44亿令吉。单是我们从其中10巴仙自己生产辣椒，就可以制造2400万令吉的就业机会。”

“如果是100%，那就更多就业机会，所以我们可以自己种植辣椒，就只是缺乏土地。”

“我们不要只是专注在发展房屋，但我们也注意确保有足够的土地来种植农作物，这项思维必须做出更改。”#

Headline	Land should be used for vegetation instead of construction		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	10 Aug 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	755 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,497
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,491



沈志勤：不足100万公顷

“土地别再建屋改种菜”

(檳城9日讯) “我们的房屋够了！我们需要的是土地来种农业食品！”

农业及农基工业部副部长沈志勤呼吁政府，不要

一直持着发展房屋的心态，而是应提供更多的土地来种植农业食品。

沈志勤表示，我国目前仅有 800 万公顷的种植地，其中 600 万公顷的土地是种植油棕、120 万公顷土地种植橡胶，其余不足 100 万公顷的土地种植农业食品。

他说，我国之所以拥有那么多土地是种植油棕，是因为 70 年代时，政府为了解决人民贫穷问题，因此给予土地鼓励人民种植油棕。

“不过，如今这问题已获得改善，我们可考虑将这些土地转换为种植农业食品。”

他说，根据专家预测，地球人口在 2050 年或突破 90 亿人口，届时农业食品根本不足以满足所有的人口。

他说，我国的食物价格不断飙升，其原因就是种植农业食品的土地不足，但人口却不断增加，因此需要向外国大量进口。

年进口513亿农业食品

他说，根据 2017 年的数据，我国共进口 513 亿令吉农业食品，包括蔬菜、水果、家

禽、肉类等，其中蔬菜占最多，高达 4 亿 6200 万令吉。

“其实很多农业食品在我国都可自己耕种，不需要进口，而且其实我发现如今许多年轻人对农业已有兴趣，但却因为少了土地，他们没机会进行耕种。”

他举例，我国 2017 年进口 2 亿 4400 万令吉的辣椒，但其实我国的土地也适合耕种辣椒的，只要我国农夫自己耕种，从上述数据减少 10% 的进口，自己就可赚上千万令吉了。



沈志勤：食品价格不断飙升，原因之一就是农耕地不足。

削减中间人 可设农渔拍卖场

沈志勤说，其实我国也可仿效日本及台湾，设立蔬菜或海鲜拍卖场，以削减“中间人”，让渔民及农夫可赚取更高的利润，消费者也可以更低的价格购买新鲜蔬菜及渔获。

他补充，一些渔民或农夫甚至在面簿进行直播拍卖，这让买卖价钱更透明化。

“不过，这毕竟是大重组

供应链，需要多次的讨论及辩论，才能实行。”

他针对都市农业召开记者会后，接受媒体询问食品价格不断上涨一事，如是指出。

他强调，农业是长青行业，永远不会步入夕阳。只要有人类，就需要农业。

对此，记者询问既然表示我国可减少房屋发展，那么如

何看待 SRS 集团昨日宣布进行檳城南部填海计划的大蓝图竞赛时，他说，比赛可继续进行，最终还是政府决定是否采用比赛得奖者的蓝图。

檳交通大蓝图听民意

他表示，个人认为檳民都知道轻快铁对檳民的重要性，不过该计划可根据阶段进行，

也可计划得更好。

他表示了解州政府欲进行填海计划以支付交通大蓝图费用，但他也恭贺檳州首长在这方面持着开放的态度听取民意，也努力寻找替代方案。

“希望州政府全力寻找替代方案，直到没选择了，才选择填海，毕竟大家也知道填海对渔民带来的生活冲击。”

Headline	Vet Dept to probe 'unsanitary' egg farm supplying to hypermarket chain		
MediaTitle	Malaysia MSN (www.msn.com/en-my)		
Date	10 Aug 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	6	Readership	5
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,050
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,150

Vet Dept to probe 'unsanitary' egg farm supplying to hypermarket chain

GEORGE TOWN: The country's veterinary regulators will investigate claims that an egg farm in Johor supplying to a major hypermarket chain in the country is said to have been operating under unsanitary and cruel conditions.

Department of Veterinary Servic...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

10/8/2019

HARIAN
METRO

SETEMPAT

6



ABDUL Hadda bersama Moo di ladang lembu di Kampung Bukit Tuku.

Moo 900kg dijual RM15,000

Bantuan Pesejeng: "Ini antara lembu yang paling mahal pernah saya jual iaitu pada harga RM15,000 dan sudah ditam-pah pembeli dari Kuala Lumpur." kata Abdul Haddi Che Ahmad, 35, pemilik lembu seberat 900 kilogram (kg).

Lembu spesies American Brahman, diberi nama Moo itu memiliki saiz sangat besar dan menarik ramai pembeli yang mahu melaksanakan ibadah korban.

Abdul Haddi berkata, se-cara keseluruhan individu berkenaan menempah 18 lembu peliharaannya termasuk baka InduBrazil dan Keltan-Kedah.

"Saya membeli dua lembu baka American Brahman ini di Thailand dengan harga RM10,000 seekor dan tidak menyangka Moo menjadi popular kerana dikatakan lembu gergasi.

"Selepas saya membawa Moo menyertai beberapa program anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kelantan untuk dipamerkan kepada umum, ramai yang berminat untuk membeli ternakan ini.

"Moo menjadi tarikan khusus dalam kalangan kanak-kanak yang teruja dengan saiznya. Lembu ini juga lebih tinggi daripada orang

dewasa," katanya ketika ditemui di Kampung Bukit Tuku di sini, semalam.

Menurutnya, Moo diberi makan dedak ubi kayu dan kulit nanas, penjagaannya pula sama seperti lembu baka tempatan.

"Lembu ini menjadi pilihan kerana dagingnya lebih lembut, sedap dan manis berbanding daging lembu biasa.

"Spesies lembu American Brahman yang berusia dua tahun memiliki berat 700kg berbanding lembu biasa yang hanya mencecah 400kg," katanya yang menternak lebih 200 lembu sejak 10 tahun lalu.

Kesan baka anjing terlarang

Syor JPV wajibkan pasang cip mikro

Tahap kesedaran pembela haiwan masih rendah, langkah elak perkara tak diinginkan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tahap kesedaran, terutama membabitkan pendidikan dan latihan dalam kalangan pembela haiwan seperti anjing di negara ini, masih rendah.

Pensyarah Kanan Perubatan Haiwan Kecil Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Puteri Azaziah Megat Abd Rani, berkata itu sebabnya Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memutuskan supaya tujuh baka anjing dilarang import ke negara ini sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan perkara buruk.

Katanya, tahap kesedaran pembela anjing tidak di negara ini tidak seperti negara lain apabila mereka lebih bertanggungjawab menghadiri kelas melatih anjing dan mematuhi undang-undang bagi mendapatkan permit.

"Mungkin JPV senaraikan beberapa baka anjing dilarang masuk negara ini sebab tahap kesedaran dan pendidikan kita rendah. Tahap kesedaran kita tidak setinggi negara lain.

"Di negara luar, mereka ada banyak sekolah latihan anjing. Kalau kita sudah sampai ke tahap semua anjing ada lesen, ada permit dan hadir latihan supaya anjing itu taat, ia tak jadi isu.

"Macam di United Kingdom (UK), kena kembiri (anjing) baru dapat lesen. Yang baka anjing itu tak boleh biakkan. Anjing pun terlatih. Sepatutnya, kita kena ada peraturan seperti ini barulah tidak timbul isu," katanya kepada BH.

Mengulas mengenai satu daripada tujuh baka anjing terlarang diimport ke negara ini, iaitu American Pitbull Terrier, Dr Puteri Azaziah berkata, ia adalah baka paling rumit untuk dilatih dan ia diperakui oleh pelatih anjing di Amerika Syarikat (AS) dan UK.

Katanya, anjing baka Pitbull sukar menerima arahan.

"Dari segi sifat baka anjing ini, ia ada naturi semula jadi yang mana tahu menyerang bahagian



Kena ada cip mikro. Kalau tidak, haiwan itu dilarang masuk ke negara ini. Selain mengandungi maklumat mengenai haiwan terbabit, cip mikro itu dapat membantu menjejak dan mengenal pasti haiwan berkenaan.

Dr Puteri Azaziah Megat Abd Rani, Pensyarah Kanan Perubatan Haiwan Kecil Fakulti Perubatan Veterinar UPM

tertentu untuk membunuh. Memang akan serang tempat (bahagian badan) yang penting. Bahagian penting seperti kepala dan leher. Memang tahu secara semula jadi sebab genetik.



Keratan akhbar BH pada 4 Julai lalu.

"Sebab itu, kalau baka anjing kena buat latihan supaya tahu sifat baka anjing terlarang itu macam mana untuk disesuaikan dengan keadaan sekeliling," katanya.

Dalam usaha mengekang penyeludupan baka haiwan terlarang ke negara ini, Dr Puteri Azaziah mengesyorkan supaya JPV mewajibkan haiwan yang ingin dibawa masuk dipasang cip mikro.

Katanya, cip mikro itu mengandungi pangkalan data seperti tarikh lahir dan jenis baka.

"Kena ada cip mikro. Kalau tidak, haiwan itu dilarang masuk ke negara ini. Selain mengandungi maklumat mengenai haiwan terbabit, cip mikro itu dapat membantu menjejak dan mengenal pasti haiwan berkenaan.

"Wajib ada cip mikro, terutama baka asli. Sebab kita tak mahu ada salah guna anjing ini sebab ia ada sifat atau karakter istimewa. Kalau ia digunakan secara betul maka anjing itu akan beri manfaat. Kalau salah guna, ia akan menyusahkan," katanya.



Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (IQCS) di Bukit Kayu Hitam. (Foto Amran Hamid/BH)

MAQIS akui lebih tumpu pemeriksaan kargo

Sepang: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) mengakui pegawai penguat kuasanya terlalu tertumpu kepada pemeriksaan kargo berbanding laluan penumpang di pintu masuk sempadan.

Pengarah Kuarantinnya, Muhammad Ezambry Arpan, berkata keadaan itu kemungkinan membuka ruang dan peluang terhadap aktiviti penyeludupan baka anjing terlarang melalui pintu masuk Kedah-Thailand.

Katanya, pada satu-satu syif pihaknya menempatkan seorang pegawai bertugas di laluan penumpang berbanding dua pegawai bagi pemeriksaan di bahagian kargo.

"Laluan penumpang selalu terjadi (penyeludupan baka anjing terlarang), terutama di Durian Burung, Kedah. Kargo senang kesan.

"Kalau di Durian Burung, di sana memang pegawai kita lebih tertumpu kepada kargo. Dekat laluan penumpang kita tak periksa sangat. Jadi, kemungkinan (seludup baka anjing terlarang) itu ada.

"Misalnya di Bukit Kayu Hitam, Kedah, pegawai kita memang selalu ada di laluan penumpang. Satu syif dalam tiga orang dan AKSEM (Agensi Kawalan Sempadan Malaysia) pun ada betul-betul di pintu keluar kompleks itu.

"Tetapi di Durian Burung, kita tempatkan empat pegawai. Seorang ketua di pintu masuk dan seorang dalam pejabat. Bahagian kargo pula dua orang. Seorang di bahagian laluan penumpang. Memang kalau seorang di bahagian (laluan) penumpang dengan trafik tinggi, jadi ada kemungkinan (penyeludupan). Itu kita tak nafikan," katanya kepada BH.

Mengulas lanjut situasi di Durian Burung, Ezambry berkata, ketiadaan pos AKSEM memungkinkan penyeludupan berlaku.



Laluan penumpang selalu terjadi (penyeludupan baka anjing terlarang), terutama di Durian Burung, Kedah. Kargo senang kesan.

Muhammad Ezambry Arpan, Pengarah Kuarantin MAQIS

Katanya, di Bukit Kayu Hitam dan Padang Besar terdapat pemeriksaan dijalankan pegawai AKSEM setiap masa pada setiap hari.

"Tetapi di Durian Burung tak ada pos AKSEM. Kadang-kadang dalam seminggu sekali, itupun akan ada sekatan di balai polis berhampiran. Balai polis itu terletak dalam empat hingga lima kilometer dan baru ada buat tahanan (pemeriksaan) di situ.

"Kemungkinan besar penyeludupan (baka anjing terlarang) di Durian Burung pun ada berlaku," katanya.

Beliau turut mengakui ada segelintir pegawai MAQIS yang tiada pengetahuan dan kemahiran untuk mengenal pasti baka anjing bagi membezakan sama ada ia terlarang ataupun dibenarkan.

Maqis rampas tikar mengkuang

Digunakan untuk membungkus tembakau yang diimport

MOHD ISKANDAR
OTHMAN dan ROSHILA
MURNI ROSLI

susulan pemeriksaan di Zon Bebas Dermaga Butterworth kira-kira jam 12.30 tengah hari semalam.

Menurutnya, tembakau paya kumbuh dari Indonesia seberat 228 kilogram itu dibungkus menggunakan bale jute dan tikar mengkuang.

"Bale jute dan tikar mengkuang diperbuat daripada hasil pertanian yang memerlukan permit dan sijil fitosanitasi," katanya dalam satu kenyataan.

Zarina berkata, perbadanan mengimport produk hasil pertanian tanpa permit sah adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) Akta yang sama.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) mengeluarkan kompaun terhadap sebuah syarikat selepas didapati mengimport tembakau tanpa permit sah.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Zarina Ramli berkata, tindakan berkenaan



Bahan pembungkusan bale jute dan tikar mengkuang yang tidak mematuhi syarat permit sah daripada Maqis.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 6 tahun atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu di KUA-

hampiran Pulau Payar semalam.

Pengaruhnya, Komander Maritim Mahmad Faizal Ahmad berkata, tangkapan tersebut dilakukan ketika operasi penguatku-

asaan bot berlesen siri kedua bersama Jabatan Laut Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Menurutnya, bot penumpang itu diusahakan seorang nakhoda dan tiga pekerja tempatan berusia antara 28 hingga 37 tahun.

"Ketika ditahan terdapat pelancong dalam bot itu dan difahamkan mereka dari Pulau Langkawi untuk melakukan aktiviti di sekitar kawasan rekreasi Taman Laut Pulau Payar," katanya dalam kenyataan.

Mahmad Faizal berkata, pemeriksaan mendapati kesemua mereka melakukan kesalahan di bawah Ordinan Pertapalan Saudagar 1952 iaitu beroperasi tanpa lesen dan dokumen sah serta tidak memiliki perlindungan insurans bot.

500,000 benih udang galah dilepaskan

REMBAU - Sebanyak 500,000 benih udang galah dilepaskan di Sungai Linggi dan Sungai Rembau di sini dalam usaha meningkatkan jumlah udang galah di dua sungai berkenaan yang kian merosot.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Bakri Sawir memberitahu, ia juga bertujuan memastikan kelestarian sumber udang galah di kawasan berkenaan.

Selain usaha berterusan oleh Jabatan Perikanan Negeri Sembilan bagi memastikan populasi sumber udang galah tidak mero-

sot, kesedaran pemuliharaan sungai dalam kalangan masyarakat juga amat diperlukan.

"Sekiranya tertangkap udang galah bertelur harap ia dilepaskan semula kerana kita boleh memperoleh lebih banyak hasil udang galah secara semula jadi selain memastikan sumber udang galah ini berkekalan mampan bagi tempoh lama," katanya selepas merasmikan Program Pelepasan Udang Galah di Sungai Rembau-Sungai Linggi di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip ketika ditemui Ber-

nama berkata, sungai yang memisahkan Negeri Sembilan dan Melaka itu cukup istimewa kerana ia terkenal dengan populasi udang galah.

"Sungai itu perlu dipertahankan dan dipelihara supaya tidak merosot jumlah udang galahnya disebabkan pelbagai faktor seperti pencemaran dan kaedah penangkapan yang tidak terkawal dan tidak bertanggungjawab seperti menuba dan menggunakan arus elektrik.

Untuk rekod tahun 2017, kira-kira 1.18 juta benih udang galah pernah dilepaskan di dua sungai berkenaan.



BAKRI (depan tiga dari kanan) melepaskan benih anak udang galah di Pengkalan Sungai Timun, Rembau semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/8/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI SELATAN	35

Bufet durian dapat sambutan

ALOR GAJAH - Pesta makan durian di Pusat beli-belah Freeport A'Famosa Outlet (FAO) meriah dengan kehadiran peminat raja buah itu.

Pusat beli-belah yang berkonsep terbuka dan terkenal di Melaka itu menarik perhatian pengunjung apabila menawarkan pesta makan durian The Melaka Durian Street Fest dengan harga menarik.

Program yang dianjurkan FAO dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berlangsung selama tiga hari yang berakhir pada Ahad lalu.

Pengurus pemasarannya, Li Ann Lim berkata, bufet durian selama sejam setiap hari dengan bayaran RM49.90 bagi dewasa pemegang MyKad; tanpa MyKad RM69.90 dan RM25 untuk kanak-kanak antara 4

hingga 12 tahun.

Menurutnya, dalam tempoh itu pelbagai jenis durian boleh dinikmati.

"Antara durian yang disediakan ialah Musang King, D24, IOI, durian kampung selain durian popular dan besar dari Asahan, Jasin yang dinamakan 'Lima Jari'.

Li Ann berkata, bufet durian dibahagikan kepada enam sesi selama sejam bermula jam 11.30 pagi, 1 petang, 2.30 petang, 4 petang, 5.30 petang dan 6.30 petang.

"Program ini secara tidak langsung bukan sahaja dapat mempromosikan buah-buahan tempatan malah menggalakkan orang ramai berkunjung ke FAO. Mereka juga boleh membeli-belah sempena persiapan menyambut Hari Raya Aidiladha," katanya.



Exco Pertanian, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Industri Asas Tani, Norhizam Hassan Baktee (tiga dari kiri) memotong kek sebagai simbolik merasmikan program sambil diperhatikan Ketua Pegawai Eksekutif A'Famosa Resort, Datuk Julian Lau (kiri).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/8/2019	HARIAN METRO	SPEKTRUM	40



SPEKTRUM SH/

Sangkar tradisional atau lebih dikenali sebagai bagang ialah satu kaedah tangkapan ikan bilis cukup sinonim dalam kalangan nelayan tempatan di sekitar Kota Marudu, Kudat dan Pitas di Sabah.

Berbentuk segi empat dan dibina menggunakan kayu bakau atau nilung sebagai tiang dan buluh menjadikan struktur bagang ini kukuh sebagai penghubung atau titian untuk berjalan di atasnya.

Pemandangan indah waktu matahari terbenam sepanjang pantai barat Sabah menjadikan bagang tradisional sebagai satu identiti kepada tiga daerah popular dengan pengeluaran hasil laut itu.

Mula diperkenalkan pada 1987, jumlahnya kini semakin meningkat atas bantuan dan bimbingan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)



1 dan 2. MELAYAN memasang lampu menjelang malam.

3. MELAYAN menjemur hasil tangkapan.

4. IKAN bilis yang siap dikeringkan.

5. IKAN bilis dibawa kekar untuk pasaran di tamu (pasar) berhampiran Kota Marudu.

6. KANAK-kanak turut membantu ibu mereka mengasingkan ikan.



UM BERSAMA HRUL M ZAIN

kerana kemampuannya meningkatkan ekonomi dan pendapatan nelayan.

Mempunyai daya tarikan tersendiri apabila lampu dipasang pada bagang menjelang malam untuk menarik perhatian ikan bilis dan ikan tamban iaitu sumber pendapatan nelayan.

Fungsi cahaya lampu yang terang daripada generator menarik perhatian ikan bilis dan akhirnya terperangkap di dalam jaring di bahagian bawah bagang.

Keesokan harinya seawal pagi, nelayan turun semula ke bagang untuk menatkan hasil tangkapan.

Ikan bilis dikumpul, seterusnya dijemur beberapa jam di terik mentari di atas pelantar. Kemudian ia diasingkan mengikut gred dan kualiti sebelum dipasarkan ke



seluruh Sabah, malah ada yang dihantar ke Semenanjung dan Brunei.

Penghasilan sumber laut mengikut kaedah tradisional ini masih kekal sebagai identiti tiga daerah berkenaan. Ia dapat meningkatkan sumber ekonomi nelayan sebagai pengusaha dan pengeluar makanan laut berkualiti tinggi dan berjaya.



10/8/2019

THE STAR

NEWS

2

Fishermen encouraged to explore business potential of aquaculture

By GRACE CHEN
gracechen@thestar.com.my

FISHERMEN should explore the possibilities offered by the aquaculture industry to improve their income.

Fisheries Development Authority (LKIM) chairman Muhammad Faiz Fadzil said this to Sepang Area Fishermen Association (PNKSepong) members.

"If any of the proposals forwarded are feasible, we could help by providing interest-free loans. There is a fund with some RM7.17mil allocated for this purpose," said Muhammad Faiz after launching a RM20,000 Asian seabass breeding project at Kampung Bagan Lalang, Sungai Pelek.

The programme is funded by LKIM and run by the Sepang Youth's Fishermen Group under the management of PNKSepong.

The method sees fry measuring no bigger than 15cm being bred in high-density polyethylene (HDPE) tanks submerged in Sungai Sepang.

Holes punched into these tanks allow water to circulate in and out freely. Smaller fish entering these tanks will act as extra nutrition for the growing fry.

The project site, formerly an oyster farm, has 10 units of HDPE tanks, each large enough to hold up to 250 fry.

A nearby market run by the PNKSepong as well as restaurants in the vicinity will be the farm's tar-



(From second left) Muhammad Faiz and Norazian launching the Asian seabass breeding project at Kampung Bagan Lalang, Sungai Pelek.

get market.

PNKSepong general manager Abd. Rahim Hashim said the 3,500 fry will be ready to be harvested after two and a half months.

"We should be able to bring in some RM25,000 in sales," he said. After the launch, Muhammad

Faiz and Selangor LKIM director Norazian Safian held a dialogue with PNKSepong members.

Among the grievances brought up at the meeting were concerns about the growing threat of animal waste pollution coming from live-stock farms in Negri Sembilan.

Muhammad Faiz said the matter has been brought to the attention of Selangor Infrastructure and Public Amenities, Agriculture and Agro-Industry Committee chairman Izham Hashim who will discuss it with Negri Sembilan exco Bakri Sawir.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/8/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	17

Ubah dasar pertanian negara - CAP

PULAU PINANG 9 Ogos - Peratuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan mengubah seluruh dasar pertanian serta pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan termasuk rantaian bekalan makanan yang dilihat tidak lestari pada masa ini.

Ini kerana Pemangku Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader berkata, pengguna kini hidup di luar kemampuan mereka disebabkan kenaikan harga makanan.

"CAP telah lama mendedah-

kan peningkatan dalam harga makanan sejak berdekad tetapi malangnya gesaan kami tidak mendapat perhatian.

"Kerajaan perlu mengubah seluruh dasar pertanian serta pelbagai agensi kerajaan untuk membaik pulih sepenuhnya sistem sedia ada," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut beliau, jika sistem sedia ada tidak diubah adalah mustahil untuk memulihkan semula kerosakan yang telah dilakukan se-

jak hampir empat dekad yang lalu. "Kita juga tidak mempunyai dasar pengeluaran makanan yang lestari menjadikan kita mudah terjejas dalam keadaan seperti hari ini.

"Lebih-lebih lagi, rantaian bekalan makanan daripada ladang kepada pengguna secara kasarnya tidak cekap yang membolehkan pelbagai peringkat orang tengah mengaut keuntungan daripada proses ini," katanya.



MOHIDEEN ABDUL KADER